

# Mahathir syor PAS dibubar

UM - 5 AUG 1982  
KOTA BAHARU 5 Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menganjurkan supaya PAS dibubarkan bagi menjamin orang-orang Islam di negara ini tidak berpecah belah.

"Kita tidak perlu ada PAS dan elok saja dibubarkannya bagi menjamin umat Islam bersatu padu," tegas Perdana Menteri.

Datuk Sri Dr. Mahathir, yang juga Presiden UMNO, mengulangi pelawaannya supaya seluruh ahli PAS masuk UMNO.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Kota Baharu, di Sekolah Menengah Zainab di sini,

KOTA BAHARU 5 Ogos - Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menarik balik tawaran untuk PAS sertai Barisan Nasional dan menyeru anggota parti itu memasuki UMNO bagi menguatkan perjuangan orang-orang Melayu dan agama Islam.

Katanya, setelah penelitian dibuat berikutan dengan penolakan dari PAS, maka pihak Barisan Nasional terpaksa menarik balik tawaran tersebut.

petang ini, beliau menyeru seluruh pucuk pimpinan UMNO di semua peringkat memainkan peranan mengajak ahli-ahli PAS menyertai UMNO.

"Kita perlu beri penerangan kepada mereka supaya masuk UMNO bagi membolehkan mereka dibimbing ke jalan yang benar.

"Inilah hasrat UMNO

yang sebenar dan insya Allah Tuhan berada di sebelah kita yang benar," ujarnya.

Turut hadir termasuk Ketua Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah, Ketua UMNO bahagian itu, Tengku Ahmad Rithauddeen.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan UMNO sebagai parti yang melindungi kedudukan agama Islam sentiasa memainkan peranan penting bagi menjamin perpaduan di kalangan umat Islam di negara ini.

Beliau menarik perhatian bahawa sebelum ada PAS, tidak ada sebarang masalah seperti keadaan perpecahan yang berlaku, "tetapi masalah itu timbul kerana ada Parti PAS," katanya.

Beliau dalam ucapannya menarik perhatian tentang kegagalan PAS

semasa zaman pemerintahannya dulu di dua Negeri Kelantan dan Terengganu di mana banyak perkara yang tidak se-cocok dengan ajaran Islam berlaku dalam tindakan pentadbirannya.

"Parti itu berjaya memerintah negeri itu buat sementara dan sekarang kedudukan pengaruhnya telah merosot," tegasnya.

PAS sekarang, katanya, berada di dalam keadaan kecewa, iri hati yang amat sangat tidak dapat tahan nafsu atas kejayaan yang dicapai oleh kerajaan."

"Parti PAS sekarang buat berbagai usaha, cari pengaruh rakyat supaya menyokong mereka dengan berbagai cara."

"Kalau dulu kita tidak pernah dengar orang mengkafirkan sesama orang Islam, begitu juga tidak pernah berlaku dua tiga imam, satu masjid,

sekarang telah berlaku.

"Ini terjadi bila ada percubaan yang bolehlah kita kaitkan dengan parti itu," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata golongan berkenaan sanggup buat apa sahaja semata-mata kerana tamak. Kalau tidak kerana perbuatan itu orang Melayu terutama Islam hari ini memuncak naik dan berjaya.

Tetapi, tegasnya lagi, "kerana kita terpaksa tumpu kepada masalah yang timbul, kita tidak

dapat tumpu kepada pembangunan yang menjamin kekuatan kita sendiri."

Beliau menegaskan orang Melayu mundur kerana mereka terpaksa tumpu perhatian pada masalah yang ditimbulkan terutama oleh PAS.

Beliau lalu menarik perhatian terhadap apa yang berlaku di Asia Barat di mana bukan saja terdapat orang Islam yang kaya malah Tuhan mengurniakan mereka

kekayaan yang amat banyak.

"Kekayaan memancut keluar dan dengan kekayaan itu mereka sepatutnya menjadi bangsa yang kuat," katanya.

Tetapi malangnya, ujarnya, mereka tidak dapat melawan tiga juta orang Yahudi di mana Yahudi dapat menewaskan mereka.

"Ini berlaku sebab orang Islam di negara itu berpecah belah kerana ada di antara mereka yang sama jenisnya dengan orang-orang yang

terdapat di Besut," katanya di sambut dengan tepuk gemuruh.

Beliau menegaskan orang-orang seperti ini memecah-belahkan orang Islam sehingga mereka tidak dapat lagi mengukuhkan kedudukan mereka dan tidak dapat hendak melawan musuh, kerana mereka sepanjang masa bertelingkah.

Datuk Sri Dr. Mahathir melahirkan dukacita keadaan yang berlaku di Asia Barat berlaku di negara ini sekarang.